

Gotong Royong Perdana Kolej Kediaman UMS

UB 4.10.2018 87

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Gotong Royong Perdana Kolej Kediaman UMS pada 23 September 2018.

Gotong-royong yang diadakan serentak di seluruh kolej kediaman UMS diselaraskan oleh Bahagian Perumahan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.

Program gotong-royong itu dilaksanakan dua kali untuk setiap sesi pengajian serentak di seluruh kolej kediaman UMS Kampus Kota Kinabalu iaitu Kolej Kediaman Tun Mustapha, Kolej Kediaman Tun Fuad, Kolej Kediaman E, Kolej Kediaman Usia 1Borneo, Kolej Kediaman Kingfisher, Kolej Kediaman Sri Angkasa, UMS Kampus Lestari Sandakan dan UMS Kampus Antabangsa

Labuan.

Tema gotong-royong pada kali ini adalah ‘Sayangi Kolejku, Kampus Harmoni Bebas Denggi’.

Hampir 3,000 pelajar di seluruh kolej kediaman UMS menyertai gotong-royong pada kali ni.

Fokus gotong-royong adalah pada kebersihan, keindahan kolej kediaman dan penerapan rasa sayang pelajar pada kolej kediaman di samping mengeratkan lagi silaturahim di kalangan mahasiswa/i UMS.

Sebelum aktiviti gotong royong dijalankan, diadakan senamrobik bagimeningkatkan semangat semua residen kolej kediaman di samping menyemai budaya gaya hidup sihat dan cergas.

Ketua Bahagian Perumahan



ANTARA pelajar yang menyertai gotong-royong itu.

Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Alvin Azril Mahat memberitahu aktiviti yang diadakan seperti membersihkan kawasan kolej kediaman supaya kelihatan indah dan juga sebagai langkah pencegahan pembiakan nyamuk aedes serta bebas denggi.



PELAJAR mengabadikan gambar kenangan ketika gotong-royong perdana itu.

Di samping itu ianya dapat mengeratkan sillaturahim di

kalangan mahasiswa/mahasiswi serta menanam sikap sayangi

kolej selaras dengan tema ‘Sayangi Kolejku’.